

PENEMUAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM CERITA LISAN MELAYU: SATU PENELITIAN TERHADAP PENDEKATAN KARYA DAN KHALAYAK

MUHAMMAD NUR AL-HAKIM MOHAMAD HANAFIAH

Universiti Malaysia Kelantan

alhakim201@yahoo.com

MOHD FIRDAUS CHE YAACOB

Universiti Malaysia Kelantan

firdaus.cy@umk.edu.my

ABSTRAK

Cerita lisan Melayu merupakan khazanah warisan milik masyarakat Melayu yang disampaikan secara lisan. Lantaran itu, cerita lisan Melayu akrab dengan amalan nilai-nilai Islam dalam kalangan masyarakat Melayu dan bertepatan dengan syariat Islam. Kini, kebanyakan masyarakat menganggap cerita lisan Melayu merupakan karya tidak memiliki ilmu pengetahuan, rekaan semata-mata, membosankan, membodohkan dan tidak memiliki nilai-nilai Islam yang dapat membentuk sahsiah dan akhlak kepada manusia. Oleh itu, pengkajian ini sewajarnya dijalankan untuk menanggisi persepsi lemah masyarakat demi memastikan cerita lisan Melayu dapat dilihat sebagai karya yang bermutu dan perlu diperjuangkan dalam dunia akademik agar menjadi wadah ilmu kepada bangsa. Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai dalam cerita lisan Melayu. Lantas, *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Tekst diselenggara oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusof & Fatimah Abdul Nasir dan diterbitkan oleh Edukid Publication Sdn. Bhd pada tahun 2017 dijadikan sebagai bahan utama. Selain itu, pengapliksian pendekatan karya dan khalayak yang terkandung dalam Teori Takmilah digunakan sebagai deduktif kajian untuk memantapkan analisis dan dapatan kajian. Di samping itu, reka bentuk kajian ini ialah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan teks. Justeru, kajian ini membuktikan kepada masyarakat mengenai penemuan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat lisan Melayu yang tujuan mendidik masyarakat Melayu menjadi lebih berakhlaq dan berjiwa mulia.

Kata Kunci: Akhlak; cerita lisan Melayu; masyarakat Melayu; nilai-nilai Islam; teori Takmilah

ISLAMIC VALUES OF STORIES WRITTEN IN ENGLISH: THE RESEARCH ON APPROACH WORKS AND AUDIENCES

ABSTRACT

Malay Folklore heritage is owned by the Malays who delivered orally. Thus, the oral tradition of the Malay familiar with the practice of Islamic values among the community and in accordance with Islamic law. Now, most people thought the oral Malay is the work do not have science, fiction, dull, ignorant and have no Islamic values that can build the character and morals of men. Therefore, the appropriate assessment is carried out to deflect the perception of poor communities to ensure Malay oral story can be seen as a

work of quality and to be fought in the academic world in order to become a place of knowledge to the people. Hence, this study aims to identify and analyze the values in Malay oral stories. So, Collection 366 Malaysian Folklore. The text is maintained by Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusof & Fatimah Abdul Nasir and published by Edukid Publication Sdn. Bhd in 2017 was used as the main subject. In addition, the application of works and audience approaches contained in Takmilah Theory is used as a deductive study to strengthen the analysis and findings of the study. In addition, the design of this study is qualitative by using library and text methods. Thus, this study proves to the public on the findings of the values of Islam in the Malay oral folklore that the purpose of educating the community to become more moral and noble soul.

Keywords: Moral; Malay folklore; Malay community; Islam values; Takmilah theory

PENGENALAN

Cerita lisan Melayu merupakan salah satu bahagian dalam kesusasteraan Melayu lama iaitu “sastera rakyat”. Menurut Abu Bakar Hamid (1976), cerita lisan Melayu merupakan tradisi lisan yang disampaikan dengan kaedah mulut ke mulut dan disampaikan secara turun temurun oleh generasi masyarakat Melayu. Selain itu, cerita lisan Melayu merupakan salah satu karya sastera yang kreatif dihasilkan oleh masyarakat Melayu desa sebagai alat hiburan dalam kalangan masyarakat (Fatimah Md Yasin, 1990). Kenyataan-kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menyatakan bahawa cerita lisan Melayu merupakan cerita yang disampaikan dan disebarluaskan melalui kaedah pertuturan melalui mulut ke mulut. Selain itu, pemilihan cerita lisan Melayu adalah bersama dan tidak layak dipertikaikan oleh sesiapa kerana hak milik cerita rakyat adalah secara universal. Tambahan lagi, cerita lisan Melayu merupakan cerita-cerita yang bersifat menghibur, mencuit hati, dan memberi pengajaran serta sarat dengan nilai positif (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Berdasarkan definisi dan pendapat oleh beberapa orang pengkaji, jelas menunjukkan cerita lisan Melayu merupakan khazanah sastera yang kaya dengan nilai dan kehebatan orang Melayu dalam mencipta karya sastera. Rentetan itu, kajian yang bersifat akademik wajar dilakukan mengenai cerita lisan Melayu bagi mengangkat martabatnya ke arah lebih tinggi. Oleh itu, kajian ini bermatlamat mengkaji dan menggali kandungan cerita lisan Melayu bagi menemukan nilai-nilai Islam yang terdapat di dalamnya.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin (2015) bertumpu kepada nilai jati diri yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu khususnya dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti nilai jati diri membincangkan kepentingan nilai jati diri yang terkandung dalam cerita rakyat kepada masyarakat Melayu. Seterusnya, Teori Ekologi Budaya telah diaplikasikan dalam kajian ini dalam bahagian analisis. Antara nilai jati diri yang ditegaskan dalam kajian ini termasuklah keberanian, kerjasama dan rasional. Sebagai rumusannya, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa cerita rakyat Melayu sarat dengan nilai jati diri yang mampu membentuk masyarakat Melayu yang kaya dengan nilai jati diri.

Kajian yang selanjutnya bertajuk *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd

Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016). Kajian ini menumpukan perhatian terhadap nilai baik hati yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu, khususnya kepada masyarakat Melayu. Di samping itu, kajian ini mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu dalam proses menganalisis kajian dan seterusnya mendapat hasil kajian yang sangat mantap. Hasil daripada analisis kajian jelas menunjukkan nilai baik hati menerusi sifat belas kasihan, pemurah, bertimbang rasa dan memaafkan yang terkandung dalam cerita rakyat dapat mendidik masyarakat supaya mengamalkan nilai baik hati dalam kehidupan seharian. Sebagai rumusannya, cerita rakyat merupakan suatu alat yang penting dalam membina peradaban Melayu yang lebih bermoral tinggi dan mempunyai hati yang murni. Oleh itu, nilai baik hati yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu tidak sepatutnya dipandang kabur dan harus ditonjolkan kepada masyarakat terutamanya masyarakat Melayu itu sendiri.

Seterusnya, kajian mengenai cerita rakyat yang mengutarakan elemen kepentingan nilai dan kebudayaan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu melalui perisian E-Cerita Rakyat kepada kanak-kanak sekolah rendah. Kajian ini telah dilakukan oleh Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2017). Selain itu, kajian ini tertumpu kepada perbincangan mengenai nilai yang terdapat di dalam lirik lagu menerusi cerita rakyat Melayu yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Selain itu, kajian ini menggunakan media cerita rakyat yang telah diadaptasi ke dalam bentuk lirik lagu sebagai data kajian. Oleh hal yang demikian, kajian ini turut menggunakan rekabentuk kualitatif dengan merujuk teks. Sebagai rumusannya, cerita rakyat yang disampaikan melalui lirik-lirik lagu yang dijalin dengan melodi yang menarik telah menjadi pilihan kegemaran kanak-kanak.

Di samping itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menjalankan kajian mengenai cerita rakyat menerusi kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini berkisarkan tentang aspek nilai murni yang terkandung dalam naratif lisan yakni cerita rakyat di lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Sehubungan itu, cerita rakyat dikumpul dan dikenal pasti nilai murni yang terkandung di dalamnya. Setelah itu, Nilai-nilai murni tersebut dianalisis dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral, dakwah dan kemasyarakatan. Hasil mendapati cerita rakyat di lembangan Sungai Pengkalan Datu mengandungi nilai murni yang boleh dijadikan landasan kepada masyarakat Melayu untuk membentuk masyarakat yang berakhlaq mulia.

Kajian cerita rakyat yang bertajuk *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia* oleh Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019). Kajian yang lebih tertumpu kepada aspek transformasi ini telah dijalankan bagi membincangkan sejauh mana transformasi penyampaian cerita rakyat di Malaysia sesuai dengan perkembangan teknologi dan pengenalan Dasar Industri Kreatif Negara. Rentetan itu, pengkaji telah mengenalpasti beberapa judul cerita rakyat yang telah diadaptasi kepada media digital dan format yang telah digunakan oleh para penerbit dalam proses adaptasi tersebut. Selain itu, kajian ini telah menggunakan pendekatan rekonstruksi bagi memantapkan lagi analisis kajian. Dapatkan kajian jelas menunjukkan bahawa, cerita rakyat di Malaysia masih belum berkembang selaras dengan perkembangan teknologi masa kini. Oleh itu, usaha yang lebih jitu harus dilakukan bagi memelihara khazanah kebangsaan ini dan seterusnya memartabatkannya ke peringkat yang lebih tinggi.

PENYATAAN MASALAH

Pengkaji telah mengenalpasti masalah atau kelompongan kajian melalui pengamatan telah dilakukan terhadap sorotan kajian lepas. Terdapat sejumlah kajian mengenai cerita rakyat yang telah dilakukan oleh para sarjana. Hal ini merujuk kepada kajian-kajian lepas tentang cerita rakyat termasuklah *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu* oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin (2015), *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016), *Dissemination of Values through the E-Folklore* oleh Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2017), *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dan *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia* oleh Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019).

Pengkaji, mendapati bahawa kajian yang memfokuskan ke arah penemuan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu lisan masih belum diberi perhatian secara khusus. Selain mengetengahkan nilai-nilai Islam, pengkaji juga bermatlamat untuk membuka mata masyarakat akan kepentingan cerita rakyat yang layak dianggap sebagai khazanah yang tidak ternilai. Oleh hal yang demikian, kajian yang bertumpukan kepada penemuan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu lisan amat wajar dilakukan bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul kajian ini. Kajian ini bakal merungkai dan membawa penemuan kepada nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu lisan.

Selain itu, kajian-kajian lepas jelas menunjukkan bahawa pengkajian terhadap cerita rakyat Melayu lisan masih belum dilakukan secara meluas dan menyeluruh. Kajian khususnya kajian penemuan terhadap nilai-nilai Islam yang dianalisis melalui perspektif atau dari kaca mata Islam wajar dilakukan. Oleh itu, wujud rasa tanggungjawab dalam diri pengkaji untuk melakukan kajian terhadap cerita rakyat Melayu lisan dengan melihat dari segi penemuan terhadap nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu lisan. Kajian ini menggunakan pendekatan berteraskan Islam iaitu pendekatan karya dan khalayak yang terdapat dalam teori Takmilah.

BATASAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan tertakluk kepada beberapa batasan dimana fokus kajian hanya terhad kepada lima buah cerita rakyat yang dipilih dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* untuk menemukan nilai-nilai Islam yang terkandung di dalamnya. Antara tajuk yang dipilih termasuklah *Raja Kuyuk*, *Kaca Bertukar Emas*, *Bawang Merah Bawang Putih*, *Mengapa Pinggang Kerengga Ramping* dan *Kalimah Bismillah*. Seterusnya, teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* ini mengandungi 366 buah cerita yang dikumpul dari setiap pelusuk negeri dalam Malaysia. Teks ini diterbitkan oleh Edukid Publication Sdn Bhd pada tahun 2017. Teks ini diselenggara oleh Zainariah Abdul Wahab, diikuti oleh Nur Syafiqa Yusoff dan akhir sekali Fatimah Abdul Nasir.

Seterusnya, kajian ini menggunakan salah satu daripada tujuh prinsip Takmilah iaitu prinsip khalayak dengan karya bagi memantapkan lagi analisis perbincangan. Pendekatan dan prinsip Takmilah digunakan dalam kajian ini kerana ia dilihat sangat bertepatan dengan objektif kajian iaitu cerminan nilai dalam cerita rakyat Melayu lisan

melalui teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Hal ini kerana ianya berhubung kait di antara penemuan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu lisan dengan masyarakat atau khalayak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Kaedah kepustakaan dilakukan melalui proses pengumpulan data mengenai kajian untuk mendapatkan data dan maklumat Sebagai contohnya artikel, jurnal, tesis, buku dan kertas kerja yang berkaitan cerita rakyat Melayu lisan dan juga mengenai teori Takmilah.

Kaedah teks pula melibatkan pembacaan teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang diselenggara oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusof & Fatimah Abdul Nasir pada tahun 2017. Selain itu, beberapa cerita rakyat dipilih secara rawak berdasarkan teks tersebut iaitu *Raja Kuyuk*, *Kaca Bertukar Emas*, *Bawang Merah Bawang Putih*, *Mengapa Pinggang Kerengga Ramping* dan *Kalimah Bismillah*. Setelah itu, cerita rakyat tersebut dianalisis secara sistematis bagi menemukan nilai Islam dan seterusnya diaplikasikan menggunakan pendekatan karya dan khalayak dalam teori Takmilah yang dipelopori oleh Shafei Abu Bakar (1996).

Selanjutnya, kajian ini akan memperincikan tentang teori Takmilah yang diilhamkan oleh Shafie Abu Bakar. Beliau merupakan seorang pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu (JPM) Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1993. Teori ini merupakan satu-satunya teori sastera Islam di Malaysia yang memberi penekanan analisis dan kritikan bersandarkan secara langsung kepada konsep tauhid dan nilai keislaman.

Teori Takmilah terhasil daripada pembentangan beberapa siri kertas kerja yang membincangkan teori dan konsep sastera Islam. Pada peringkat awal satu kertas kerja telah dibentangkan oleh Shafie Abu Bakar berjudul *Sastera Islam: Teori Pengindahan Dan Penyempurnaan Dalam Rangka Tauhid* Shafie Abu Bakar (1997). Walau bagaimanapun, istilah Takmilah tidak muncul sebagaimana yang difahami hari ini. Perbincangan umum dalam kertas kerja itu, ternyata telah membawa idea kepada beliau untuk menggagaskan satu kerangka teori yang boleh digunakan sebagai landasan kritikan dan analisis terhadap karya sastera Islam. Terdapat tujuh prinsip dalam teori Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip Islam yang bersifat Akmal, prinsip Ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, prinsip sastera yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil.

Prinsip Ketuhanan Bersifat Kamal

Menurut Shafei Abu Bakar (1997), prinsip pertama dalam teori Takmilah ini menghuraikan hubungan dua sifat Allah SWT iaitu Kamal (sempurna) dan Jamal (keindahan). Kesempurnaan-Nya terpancar melalui makhluk kejadian-Nya. Kedua-dua sifat ini mempunyai pertalian yang sangat erat dalam menghubungkan Allah S.W.T dengan manusia. Sehubungan dengan itu, penelitian terhadap sifat Kamal dan Jamal ini dapat dilihat melalui kewujudan makhluk ciptaan-Nya, khususnya kejadian manusia yang merupakan sebaik-baik kejadian.

Dalam konteks sastera, manusia dan alam sering dijadikan fokus dalam menghasilkan sesuatu karya. Seni pula dijadikan sebagai fokus kepada keindahan. Perkaitan di antara dua aspek tersebut menunjukkan kepentingan menerapkan unsur-unsur yang digariskan oleh Islam supaya mencapai kesempurnaan seperti yang digagaskan oleh

teori Takmilah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa dua sifat Allah S.W.T tersebut saling berkait dalam dunia sastera.

Prinsip Rasul Sebagai Insan Kamil

Menurut Shafei Abu Bakar (1997), prinsip Takmilah yang kedua iaitu prinsip keRasulan sebagai insan Kamil mempunyai pertalian dengan Rasulullah SAW sebagai insan Kamil yang mempunyai pertalian dengan istilah “Kamal” bererti sifat Allah yang Maha Sempurna. Tambahan lagi, menurut Kamariah Kamaruddin (2016) didapati bahawa sifat yang ada pada Rasulullah SAW sebagai insan Kamil (sempurna) ini bagi membuktikan kewujudan manusia dengan sebaik-baik kejadian yang seterusnya dapat dijadikan *qudwah hasanah* (contoh tauladan) kepada manusia dalam merealisasikan kehidupan lebih baik.

Prinsip Islam Bersifat Akmal

Menurut Shafei Abu Bakar (1997), prinsip yang ketiga ialah prinsip Islam yang bersifat Akmal ialah menjelaskan Islam merupakan satu-satunya agama yang direhui-Nya dan ia merupakan agama yang sempurna dari segenap aspek.

Prinsip Hubungan Sastera Dengan Ilmu

Menurut Shafei Abu Bakar (1997), prinsip keempat melihat hubungan sastera dengan ilmu yang mempunyai pertalian dengan diri sendiri khususnya melalui akal dan hati. Hal ini menjelaskan bahawa ilmu yang dibawa dalam kandungan sastera seharusnya berhubungkait dengan diri sendiri supaya tidak makna dan mesej yang ingin disampaikan tidak terpesong.

Prinsip Sastera Berciri Estetik

Menurut Shafei Abu Bakar (1997), prinsip kelima pula melihat sastera yang berciri estetik ini dapat dilihat dari dua aspek iaitu keindahan lahiriah dan keindahan maknawi. Kedua-dua aspek ini terjalin dengan indah dan berupaya berdiri sebagai sebuah karya sastera yang boleh memberi manfaat kepada khalayak.

Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri

Menurut Shafei Abu Bakar (1997) prinsip yang keenam ini pula ialah bermaksud pengkarya itu sendiri melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu keIslam dan ilmu-ilmu yang berhubung dengan sastera iaitu seorang sasterawan muslim seharusnya tergolong dalam golongan yang alim dalam ilmu-ilmu Islam terutama ilmu yang ingin disampaikan kepada khalayak.

Prinsip Hubungan Khalayak Dengan Karya

Menurut Shafei Abu Bakar (1997), prinsip yang ketujuh ialah hubungan antara khalayak dengan karya sememangnya tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, sesebuah karya sastera Islam perlulah berunsurkan pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke

arah kebaikan. Kajian ini memilih prinsip ini sebagai deduktif kajian bagi memantapkan lagi huraian di bahagian analisis kajian. Perkaitan di antara kedua-dua aspek tersebut adalah amat jelas di mana masyarakat Melayu sebagai khalayak sangat dekat dengan cerita rakyat Melayu yakni karya yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu itu sendiri. Oleh itu, nilai-nilai Islam yang ditemukan dalam cerita rakyat lisan Melayu sangat ketara pengaruhnya kerana penglipur lara itu sendiri menyampaikan cerita rakyat lisan Melayu kepada masyarakat Melayu yang beragama Islam kebanyakannya.

DAPATAN KAJIAN

Nilai Islam boleh didefinisikan sebagai nilai yang menyentuh kepercayaan atau soal akidah, kerohanian serta cara atau amalan hidup yang baik yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat yang berteraskan kepercayaan adanya Tuhan atau Yang Maha Kuasa (Abd. Rahim Abd Rashid (1993). Sehubungan dengan itu, nilai Islam adalah sesebuah perkara yang amat penting dalam kehidupan seharian setiap manusia di atas muka bumi Allah S.W.T. Hal ini kerana, nilai berupaya menyeimbangkan kehidupan manusia sekiranya diamalkan secara jitu. Selain itu, menurut Mohd Rosli Saludin (2007) nilai Islam ialah nilai yang bukannya ditentukan oleh manusia tetapi oleh Allah S.W.T yang disampaikan kepada manusia melalui wahyu. Tidak dapat dinafikan bahawa segala yang baik-baik itu datang dari Allah S.W.T dan diwahyukan kepada seluruh umat manusia. Nilai-nilai ini bersifat mutlak, muktamad dan kekal abadi. Maka daripada pandangan tokoh di atas, jelaslah nilai Islam merupakan nilai yang telah diwahyukan kepada seluruh hamba-Nya bertujuan untuk membawa manusia ke arah kebaikan selaras dengan kehendak agama Islam. Sehubungan itu, kajian ini akan menganalisis nilai-nilai Islam seperti nilai taat, pemaaf, bersyukur dan percaya kepada Allah S.W.T yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat yang dipilih sebagai bahan kajian.

Nilai Merendah Diri

Menurut Achmad D. Marimba (1981), rendah diri berasal daripada perkataan “tawadhu” yang membawa maksud sifat merendahkan hati kepada sesuatu yang diagungkan. Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menyatakan bahawa nilai merendah diri sebuah nilai yang mengajar manusia untuk bersikap sederhana dan tidak sompong dalam kehidupan supaya dapat membentuk sebuah masyarakat yang saling hormat-menghormati dan berakhhlak mulia di antara satu sama lain. Berdasarkan pendapat tokoh di atas, dapat disimpulkan bahawa nilai merendah amat penting dalam kehidupan masyarakat Islam bagi mengelakkan terjadinya perkara yang tidak diingini sesama anggota masyarakat.

Penemuan nilai Islam iaitu merendah diri dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Mengapa Bangau Kurus*. Cerita ini mengisahkan seekor bangau yang sompong sehingga memakan diri pada akhirnya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan 1 di bawah:

Petikan 1

Tiba-tiba bangau teringat semula hajatnya kepada baginda. “Aku sudah tersalah cakap! Aku hendak makan tujuh kali sehari tetapi aku minta tujuh hari sekali! Patutlah semua burung terkejut tetapi mereka tidak berkata apa-apa pun. Mungkin kerana aku sompong dengan mereka,” kata bangau sesal.

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 16)

Menerusi petikan 1, jelas menunjukkan akibat yang ditanggung oleh bangau kerana kesombongannya terhadap haiwan-haiwan lain. Cerita ini menggarapkan peri pentingnya nilai merendah diri dalam kehidupan bermasyarakat supaya tidak disisih oleh anggota masyarakat. Sehubungan itu, cerita rakyat ini menegaskan nilai merendah diri merupakan tanda kehebatan iman seorang Muslim dan dapat membentuk akhlak masyarakat supaya lebih utuh dan mantap. Menurut Purnama Rozak (2017), merendah diri sangat penting dalam usaha untuk memuliakan kekuasaan Allah dan sentiasa mempunyai kesedaran bahawa segala kuasa, kecantikan dankekayaan manusia tidak dapat menandingi kekuasaan Allah SWT. Pengolahan cerita rakyat ini berjaya menyerlahkan salah satu nilai Islam iaitu merendah diri kepada khalayak. Menerusi kaca mata Islam, pendidikan akhlak sangat ditekankan oleh agama Islam dalam membina peradaban bangsa yang cemerlang dari segi akhlak.

Berdasarkan pendekatan khalayak dan karya dalam prinsip Takmilah, cerita rakyat Melayu lisan ini berpotensi untuk mendidik khalayak supaya merendah diri dalam kehidupan. Hal ini juga dituntut dalam ajaran supaya sentiasa mengamalkan nilai merendah diri dengan cara menghormati orang sekeliling dan tidak sombong. Menurut Shafei Abu Bakar (1997), menyatakan bahawa pendekatan khalayak dan karya memainkan peranan penting dalam menghasilkan sesebuah karya yang mampu membawa khalayak ke arah insan Kamil. Oleh itu, penemuan nilai Islam iaitu nilai merendah diri dalam cerita rakyat Melayu lisan memberi impak yang positif dalam usaha menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan menggali dan mencari keunggulan cerita rakyat Melayu lisan.

Nilai Percaya Kepada Allah SWT

Menurut Fowler (1978), kepercayaan terhadap agama adalah sesuatu yang universal dan merupakan satu keperluan dalam kehidupan manusia yang mencakupi tindakan, sikap dan pemikiran seseorang. Selain itu, kepercayaan terhadap Allah SWT merupakan sesuatu kekuatan iman seorang Muslim terhadap keyakinan kepada kuasa Allah yang menentukan perjalanan hidup setiap umat manusia di atas muka bumi ini (Aya Ma'luah, 2019). Seterusnya, Muhammad Idrus (2006) menyatakan bahawa kepercayaan tidak harus dipandang hanya kepada agama semata-mata, namun ia harus dirangkum dengan kepercayaan terhadap kewujudan tuhan. Berdasarkan pendapat para pengkaji di atas, dapat dirumuskan bahawa kepercayaan kepada tuhan khususnya Allah SWT bagi umat Islam harus sentiasa dipupuk dan dipelihara supaya kehidupan menjadi lebih teratur.

Berdasarkan pengamatan yang dilakukan, cerita rakyat bertajuk *Raja Kuyuk* mengandungi nilai Islam yang sangat ketara. Hal ini digambarkan dalam petikan 2 di bawah:

Petikan 2

Raja Kuyuk berasa hairan lalu bertanya kepada raja Brunei Sultan Hasyim, “Maaf jika beta bertanya, apakah yang kamu semua lakukan?” Sultan Hasyim pun menjawab, “Kami semua mengerjakan sembahyang lima waktu. Kami menyembah Tuhan kami yang Maha Esa Allah SWT. Allah SWT yang mencipta langit dan bumi, mencipta segala makhluk di langit dan di bumi. Kami semua beragama Islam. Raja Kuyuk tertarik mendengar penjelasan Sultan Hasyim lalu menyatakan hasratnya untuk menganut agama Islam.

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 54)

Berdasarkan petikan 2 di atas, nilai Islam ditemukan melalui perbuatan watak Sultam Hasyim iaitu mengerjakan sembahyang lima waktu dan perbuatan itu menarik minat Raja Kuyuk untuk menganut agama Islam. Hal ini demikiran kerana, Raja Kuyuk tertarik dengan penjelasan daripada Sultan Hasyim mengenai kepercayaan kepada Allah SWT yang mencipta langit dan bumi. Rentetan itu, Raja Kuyuk terus menyatakan hasratnya untuk menganut dan mempelajari agama Islam. Menurut Syahrin Harahap (2016), Islam adalah pedoman hidup dan jalan keselamatan yang dapat menjadi pedoman manusia untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Islam adalah agama yang sempurna dapat menerapkan fitrah keberagamaan manusia. Oleh itu, penemuan nilai Islam iaitu kepercayaan kepada tuhan dalam cerita rakyat Melayu lisan jelas menunjukkan masyarakat zaman lampau amat menitikberatkan nilai-nilai Islam.

Sehubungan itu, pendekatan khalayak dan karya yang menekankan aspek potensi karya sastera yang mampu mendidik khalayak ke arah lebih baik dilihat bersesuaian dengan petikan cerita rakyat Melayu lisan. Menurut Shafei Abu Bakar (1997), pendekatan ini menuntut sesbuah karya sastera mengandungi unsur pendidikan Islam yang boleh membentuk khalayak ke arah insan Kamil. Oleh itu, pengarang haruslah menerapkan unsur pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah kebaikan.

Nilai Bersyukur

Menurut Tajul Ariffin Nordin & Nor'aini Dan (1992), bersyukur merupakan suatu perasaan atau perilaku yang wujud secara ikhlas di atas perkara yang diperolehi. Selain itu, Hashim Musa (2008) menakrifkan bersyukur sebagai penerimaan sesuatu pemberian daripada orang lain dan sentiasa menggunakan pemberian tersebut kearah yang memberi kebaikan. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), bersyukur merupakan perasaan menghargai dan menyanjung tinggi setiap perkara yang diperolehi dengan ikhlas dan terbuka. Hal ini dapat disimpulkan bahawa nilai bersyukur adalah perilaku dan perasaan meraikan setiap rezeki yang diperolehi daripada orang sekeliling dengan sentiasa mengucap syukur kepada Allah SWT.

Selain itu, penemuan nilai Islam iaitu bersyukur dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Kaca Bertukar Emas*. Nilai bersyukur dalam cerita rakyat ini dapat digambarakan dalam petikan 3 berikut, “*Apabila wanita tua itu membuka guni itu, alangkah terkejutnya dia apabila mendapati wang emas bertimbun-timbun di dalamnya. Wanita tua itu mengucapkan syukur. Orang kaya yang mengintai dari luar pondoknya sungguh terkejut*” (Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2017: 96).

Berdasarkan petikan 3 di atas, jelas menunjukkan perbuatan bersyukur yang digambarkan melalui watak wanita tersebut. Wanita tersebut sentiasa mengamalkan rasa bersyukur dalam kehidupan dan dia sentiasa mendapat rezeki yang mencukupi. Rentetan itu, penemuan nilai bersyukur ini amat wajar kerana dapat menyerlahkan nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu lisan. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), nilai bersyukur memberi maksud rasa menghargai dan berterima kasih seseorang terhadap rezeki atau pertolongan yang diperolehi. Oleh itu, nilai bersyukur dalam konteks

ini menunjukkan perasaan menghargai dan berterima kasih watak wanita tersebut di atas segala rezeki yang dikurniakan kepadanya.

Pengaplikasian pendekatan khalayak dan karya dengan petikan di atas amat tepat kerana terdapat unsur mendidik dalam cerita rakyat Melayu lisan tersebut. Unsur mendidik di dalam karya memainkan peranan yang penting dalam membentuk masyarakat ke arah insan Kamil sesuai dengan tuntutan dalam prinsip Takmilah (Shafei Abu Bakar, 1997). Oleh itu, karya sastera lisan ini jelas menunjukkan nilai bersyukur yang berpotensi memberi kesedaran terhadap khalayak supaya mengamalkan nilai bersyukur dalam kehidupan.

Nilai Pemaaf

Menurut Abu Bakar Atjeh (1988), nilai pemaaf adalah rasa yang sentiasa ingin memaafkan kesalahan orang lain dengan ikhlas hati. Selain itu, Hashim Musa (2008) menyatakan pemaaf adalah seseorang yang akan memberi maaf kepada orang lain tanpa rasa dendam dan dengan hati yang ikhlas. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), sikap pemaaf merupakan sikap yang wujud dalam diri seseorang untuk sentiasa memaafkan kesalahan orang tanpa menyimpan rasa dendam dan tidak menyimpan niat untuk membalaunya. Oleh itu, nilai pemaaf ini merupakan salah satu nilai yang amat diperlukan dalam diri setiap umat Islam supaya dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang aman tanpa sengketa.

Seterusnya, nilai Islam pemaaf ditemukan dalam cerita rakyat yang bertajuk *Bawang Putih Bawang Merah*. Hal ini dapat dilihat dalam petikan 4 iaitu “*Mak Kundur dan Bawang Merah menangis dan meminta ampun. Bawang Putih yang baik hati meminta putera itu mengampunkan mereka.*” (Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2017: 21).

Petikan 4 memberi gambaran nilai pemaaf yakni nilai yang sangat dituntut dalam Islam. Watak Bawang Putih yang rela hati mengampunkan Bawang Merah dan Mak Kundur walaupun kesalahan mereka berdua amat besar. Sehubungan itu, nilai pemaaf harus disemai dalam diri demi meraih ketenangan jiwa dan sekali gus menzahirkan keunggulan peribadi seorang Muslim. Nilai yang dianjurkan Islam ini merupakan sikap yang ada pada diri junjungan besar orang Islam iaitu nabi Muhammad SAW (Syahrin Harahap, 2016). Jadi, cerita rakyat ini berjaya menggambarkan nilai pemaaf melalui watak Bawang Putih dan seharusnya diambil iktibar oleh masyarakat.

Dalam konteks ini, pendekatan khalayak dan karya yang terdapat dalam prinsip Takmilah amat bersesuaian dengan karya sastera lisan ini. Hal ini kerana khalayak dapat mengambil iktibar daripada cerita rakyat Melayu tersebut supaya sentiasa mengamalkan nilai pemaaf dalam apa jua konflik yang berlaku supaya dapat membentuk masyarakat yang aman dan makmur. Hal ini bertepatan dengan pendekatan khalayak dan karya yang menekankan aspek mendidik khalayak ke arah lebih baik dan menjadi insan Kamil.

Nilai Taat

Menurut Hasan Albanna (1985), nilai taat lahir daripada rasa percaya yang membawa kepada perasaan sayang, hormat dan menghargai hingga akhirnya timbul ketaatan terhadap seseorang atau sesuatu. Seterusnya, menurut Yuda Oktana (2009), taat adalah rasa ingin melakukan perkara yang disuruh tanpa merungut kerana ingin mewujudkan sebuah hubungan yang harmoni. Selain itu, taat juga boleh tertakluk kepada rasa taat kepada pemimpin tanpa menafikan perintah yang dikeluarkan oleh pemimpin. Oleh itu,

nilai taat wajar diamalkan oleh setiap umat Islam dalam segenap segi supaya tidak berlaku perselisihan dan persengketaan.

Penemuan nilai Islam yang seterusnya ialah nilai taat telah digambarkan dalam cerita rakyat yang bertajuk *Mengapa Pinggang Kerengga Ramping*. Hal ini jelas tergambar dalam petikan 5 di bawah:

Petikan 5

Raja Kerengga bertitah, “Beta mahu semua rakyat mengikat perut kuat-kuat. Jika perut diikat, kita akan rasa kurang lapar. Beta sudah mencubanya.” Semua rakyat kerengga taat kepada perintah raja mereka. Mereka mengikat perut masing-masing. Mereka berasa gembira kerana cara itu berkesan. Apabila banjir surut, mereka pun dapat mencari makanan seperti biasa.

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 15)

Berdasarkan petikan 5, mengetengahkan nilai taat dalam konteks taat kepada pemimpin. Nilai tersebut digambarkan melalui kisah tempat tinggal kerengga yang dilanda banjir mengakibatkan mereka tidak dapat mencari makanan. Pemimpin mereka yakni Raja Kerengga telah menitahkan rakyatnya supaya rakyat mengikat perut. Walaupun perbuatan mengikat perut itu sesuatu yang mungkin memberi kemudaratannya kepada mereka, namun mereka tetap melakukannya kerana sifat taat terhadap raja mereka sangat kuat. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka meletakkan seluruh ketiautan terhadap Raja Kerengga selaku pemimpin mereka dapat menyelesaikan masalah yang sedang melanda tempat tinggal mereka. Menurut perspektif Islam, setiap Muslim dituntut supaya bersabar dalam mentaati perintah pemimpin walaupun bertentangan dengan kehendak sendiri selagi ianya mendorong ke arah kebaikan. Sehubungan itu, Islam menyeru supaya taat kepada pemimpin kerana ianya adalah tanda kehebatan seorang Muslim dalam sesebuah kehidupan dan taat juga menjadi sebab nusrat (bantuan) Allah SWT kepadanya sekiranya sedang ditimpa musibah (Syahrin Harahap, 2016). Hal ini jelas menunjukkan nilai Islam iaitu taat sememangnya terkandung dalam cerita rakyat Malaysia.

Sehubungan itu, pendekatan khalayak dan karya dapat dilihat dalam penelitian ini. Hal ini demikian kerana, karya ini memberi impak yang positif terhadap khalayak dengan menerapkan nilai Islam iaitu hormat kepada pemimpin. Rentetan itu, pendekatan ini sememangnya menekankan aspek karya yang berupaya mengubah dan menggerakkan minda khalayak ke arah insani kamil (Shafei Abu Bakar, 1997). Oleh itu, cerita rakyat Melayu lisan ini memenuhi kriteria pendekatan khalayak dengan sastera yang terdapat dalam teori Takmilah.

Nilai Tawakal

Menurut Sabiq (1982), tawakal membawa makna percaya, yakin, bergantung, berserah dan sentiasa memohon kepada Allah untuk segala bentuk keinginan. Selanjutnya, Asy-Syarqawi (1987) menyatakan bahawa segala kelakuan dan perkara yang terjadi adalah bersandarkan kepada Allah. Kenyataan ini disokong oleh Anni Zulfiani Husnar (2017) yang menyatakan bahawa hati yang beriman kepada kepercayaan di mana segala perkara yang telah berlaku dan akan berlaku tertakluk kepada kekuasaan Allah SWT. Oleh itu,

dapat disimpulkan bahawa nilai tawakal merupakan rasa kepercayaan sepenuhnya terhadap kekuasaan Allah SWT dan sentiasa beriman kepadaNya.

Selanjutnya, cerita rakyat yang bertajuk *Kalimah Bismillah* membawa kepada penemuan nilai Islam dengan jelas menerusi jalan cerita. Hal ini dapat dilihat melalui petikan 6 berikut, “*Maafkan abang, Kenanga. Niat abang tidak baik. Sekarang baru abang sedar. Rupa-rupanya kalimah Bismillah itulah yang menjadikan ular itu bertukar menjadi emas. Mulai sekarang, abang juga akan membaca Bismillah setiap kali memulakan sesuatu kerja,*” kata Jali” (Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2017: 93).

Menerusi petikan 6 di atas, penemuan nilai Islam iaitu nilai tawakal dapat dilihat melalui peristiwa bertukar menjadi emas kerana watak si isteri yang selalu membaca kalimah Bismillah sebelum memulakan kerja. Ular yang diletakkan di dalam tempayan beras bertukar menjadi emas setelah dipegang oleh isterinya Kenanga kerana berkat membaca kalimah Bismillah sebelum memasukkan tangannya ke dalam tempayan. Jelaslah menunjukkan ganjaran seorang Muslim yang sentiasa bertawakal dan mengingati Allah SWT dengan sentiasa membaca kalimah Bismillah sebelum memulakan apa jua kerja. Menurut Muhd Mu'inuddin Basri (2008), tawakal kepada Allah adalah menjadikan Allah SWT sebagai sandaran atau penyerahan atau wakil dalam mengurus segala urusan. Berdasarkan pendapat ini, nilai tawakal ini merupakan salah satu sendi keimanan dan ketauhidan seseorang Muslim terhadap Islam dan Allah SWT. Oleh itu, nilai tawakal ini wajib ada dalam proses pembentukan akhlak sesebuah masyarakat supaya pembentukan akhlak menjadi lengkap dan sempurna dengan adanya nilai tawakal.

Seterusnya, pendekatan khalayak dan karya dapat dijelaskan melalui penelitian ini. Cerita rakyat Melayu lisan ini mengandungi nilai Islam iaitu tawakal yang berpotensi mendidik khalayak untuk mengamalkan nilai tawakal dalam kehidupan seharian. Hal ini bertujuan untuk membentuk masyarakat yang sentiasa tunduk dan takut kepada Allah SWT. Selain itu, cerita rakyat Melayu lisan ini sangat sesuai dengan kehendak yang dituntut dalam pendekatan khalayak dan sastera. Menurut Shafei Abu Bakar (1997), pendekatan ini sememangnya menekankan aspek pendidikan dalam sesebuah karya sastera dan sentiasa menjuruskan khalayak ke arah insan Kamil.

KESIMPULAN

Sebagai rumusannya, penemuan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu lisan amat penting dalam dunia kesusteraan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian ini diharap dapat membuka mata masyarakat mengenai kepentingan mengkaji dan mengambil peduli mengenai cerita rakyat Melayu lisan. Selain itu, penelitian ini dapat dijadikan nilai tambah dalam dunia penyelidikan sastera. Penemuan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu lisan seharusnya diambil sebagai pedoman dan panduan kepada masyarakat zaman kini supaya mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan. Sehubungan itu, pendekatan khalayak dan karya yang tertakluk dalam teori Takmilah memainkan peranan penting dalam menghuraikan bahagian analisis kajian. Hal ini demikian kerana, huraiyan menumpukan kepada fungsi karya yakni cerita rakyat Melayu lisan dapat mempengaruhi khalayak untuk mengamalkan nilai-nilai Islam. Tambahan lagi, pendekatan ini sememangnya menitikberatkan aspek ajaran seperti yang digagaskan oleh pelopornya iaitu Shafei Abu Bakar. Oleh itu, kajian ini memberi input yang positif melalui penemuan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu lisan terhadap khalayak dan seterusnya membawa khalayak ke arah insan Kamil.

RUJUKAN

- Aboebakar Atjeh. 1988. *Akhlaq dalam Islam*. Edisi Ketiga. Kota Bharu: Pustaka Alam.
- Abu Bakar Hamid. 1976. *Diskusi Sastera Jilid I: Sastera Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. 1993. Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum KBSM. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Achmad D. Marimba. 1981. *Pengantar Filsafat Pendidikan Islam*. Bandung: Penerbit Al-Maruf.
- Baharin Ilias, Hanapi Dollah & Mohamad Nazri Ahmad. 2011. Tradisi Bercerita Siam Di Kelantan: Satu Analisa Fungsi Cerita. *Jurnal Melayu*. (8), 207-232.
- Fatimah Yassin. (1990). Cerita Rakyat Sebagai Alat Pendidikan. Satu Analisis Isi yang Bercorak Etika. *Dialog Kesusasteraan* (Umar Junus, Rahmah Bujang, Hashim Awang, Mohd. Yusuf Hassan, Wahab Ali, Rahman Kaeh, Fatimah Yassin & Zahir Ahmad, Ed.). Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 11-12 Mei.
- Hashim Musa. 2008. *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin. 2015. Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 3, 91-100.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2018. *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2015. *Seuntai Nilai-Nilai Murni Dalam Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Normaliza Abd Rahim. 2016. Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*. 4 (2), 48-57.
- Mohd Shukrey Ahmad & Kamariah Kamarudin. 2018. Nilai Islam dalam Komik Majalah Dewan Pelajar. *Jurnal Melayu*, 1 (1), 49-73.
- Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi. 2016. Disemination of Values through the E-Folklore. *TOJET: The Turkish Online Journal of Technology*, 16 (1), 32-36.
- Nurul Hilwany Che Shaffine. 2015. Pemikiran Islam dalam ‘Ayn Karya Kemala. *Jurnal Melayu*, 14 (2), 240-259.

Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa. 2019. Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12 (2), 291-319.

Shafei Abu Bakar. 1997. *Estetika dan Takmilah* dlm. Mana Sikana. Pembangunan Seni dan Sastera. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu FSKK.

Yuda Oktana. 2016. *Komunikasi Persuasif Murabbi kepada Binaannya dalam Menanamkan Sikap Taat pada Agama (Studi Deskriptif pada Anggota Halaqah LDK Unand)*. Tesis Diploma, Universiti Andalas.

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir. 2017. *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Edukid Publication Sdn. Bhd.

Biodata Penulis:

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah adalah pelajar Sarjana di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Warisan dan Sastera

Mohd Firdaus Che Yaacob adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Warisan dan Sastera